



جاتن کحاکیمن شرعيۃ مليسیا

DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62677 PUTRAJAYA

TEL : 03-888 64800

FAKS: 03-888 91627

JKSM /100-24/5 Jld. 3 (61)

13 Rabiulawwal, 1427H /

12 April, 2006M

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah Syariah / Jabatan Kehakiman Syariah,
Negeri-negeri Seluruh Malaysia

Arahan Amalan No. 11 Tahun 2006 Kertas Keselamatan Perintah Mahkamah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2006 pada 12 hingga 14 April, 2006 bersamaan 13 hingga 15 Rabiulawwal, 1427H di Shah Alam, Selangor yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan bahawa pemakaian kertas keselamatan perintah Mahkamah hendaklah menggunakan pakai kertas keselamatan perintah Mahkamah yang diperolehi daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).


2. Setiap pengeluaran dan penggunaan kertas keselamatan perintah tersebut di setiap Mahkamah Negeri-negeri hendaklah tertakluk kepada peraturan di bawah ini:-

- 2.1. Ketua Pendaftar / Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri (ibupejabat) adalah bertanggungjawab ke atas pengawalan kertas keselamatan perintah tersebut ;
- 2.2. Ketua Pendaftar / Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri (ibupejabat) hendaklah menyedia dan merekodkan nombor-nombor siri kertas keselamatan perintah tersebut sebelum diagih-agihkan ke daerah-daerah;
- 2.3. Ketua Pendaftar/Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri (ibupejabat) boleh mewakilkan kuasanya secara bertulis mengawal pengeluaran kertas keselamatan perintah tersebut kepada mana-mana Penolong Pendaftar Mahkamah Peringkat Daerah di negeri masing-masing.

- 2.4. Setiap pengeluaran kertas keselamatan perintah Mahkamah hendaklah dicatatkan nombor siri pada Buku Daftar Pendaftaran Kes berserta tarikh pengeluarnya.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos, 2006.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



(DATUK SHEIKH GHAZALI BIN HJ. AB. RAHMAN)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

azmee/aa11/2006